



Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) adalah salah satu peneraju universiti swasta di Malaysia. UNITEN komited dalam menawarkan program akademik dan program latihan professional yang berkualiti tinggi.

Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-UNITEN adalah satu program yang diperkenalkan oleh Universiti Tenaga Nasional dengan kerjasama Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Seiring dengan perkembangan Program Tahfiz yang ditawarkan di Kampus Sultan Haji Ahmad Shah di Pahang, kami ingin mempelawa calon-calon yang berkelayakan, bermotivasi tinggi dan dinamik untuk memohon bagi mengisi kekosongan jawatan Penolong Pensyarah (Tahfiz).

## **PENOLONG PENSYARAH (TAHFIZ)**

### **Syarat Kelayakan :**

- Warganegara Malaysia.
- Keupujian Bahasa Malaysia pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf oleh kerajaan.
- Mempunyai Sijil/Diploma berkaitan Tahfiz Al-Quran dan juga Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Islam yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya yang memperolehi PGNK sekurang-kurangnya 2.75 ke atas (bagi calon berkelulusan daripada universiti negara timur tengah, perlu kemukakan surat pengesahan pengiktirafan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia).
- Keutamaan akan diberikan jika calon ialah pelajar dan lepasan Darul Quran JAKIM.
- Mempunyai pengalaman dalam pendidikan dan pengajaran tahfiz merupakan satu kelebihan.

**Penempatan :** Universiti Tenaga Nasional,  
Kampus Sultan Haji Ahmad Shah,  
26700 Bandar Muadzam Shah, Pahang.

**Tarikh tutup : 02 Ogos 2020**

Pemohon yang berminat boleh menghantar resume & sijil-sijil ke alamat berikut:-

**PENGARAH  
JABATAN SUMBER MANUSIA  
UNIVERSITI TENAGA NASIONAL  
JALAN IKRAM-UNITEN, 43000 KAJANG, SELANGOR  
email : [hr@uniten.edu.my](mailto:hr@uniten.edu.my)**

**Peringatan :** Salinan Kad Pengenalan dan salinan sijil-sijil akademik yang telah **DISAHKAN BENAR** perlu di fotostat di atas kertas A4 dan dimajukan bersama-sama borang permohonan.

**Dengan mengemukakan permohonan, anda telah bersetuju dan memberi kebenaran kepada Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) untuk memproses data peribadi anda selaras dengan Personal Data Protection Act 2010 (PDPA).**

Borang permohonan yang tidak lengkap atau yang diterima selepas tarikh tutup iklan tidak akan dipertimbangkan. Hanya calon-calon yang disenarai pendek sahaja akan dihubungi.